SIARAN AKHBAR
KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

Negara Brunei Darussalam Menggariskan Kesalinghubungan Serantau, Perdagangan dan Pelaburan di Forum Ekonomi Borneo Kedua 2026

Negara Brunei Darussalam telah menekankan kepentingan bagi memperkukuhan kesalinghubungan serantau, perdagangan, pelaburan dan kepelbagaian ekonomi semasa Forum Ekonomi Borneo Kali Kedua yang telah berlangsung di Kuching, Sarawak pada 7 hingga 8 Oktober 2026. Forum tersebut turut diraikan dengan kehadiran Premier Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg yang menyampaikan ucaptamanya.

Yang Mulia Datin Seri Paduka Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab, Timbalan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Perindustrian, juga turut menyampaikan ucaptama forum dengan tema *"Brunei Darussalam's Vision for Borneo: Strengthening Regional Connectivity, Trade, Investment and Economic Diversification".*

Dalam ucaptamanya, Negara Brunei Darussalam menekankan visi bagi Borneo adalah untuk menjadikannya sebagai sebuah rantau yang lebih terhubung, bersepadu dan makmur, dengan kesalinghubungan yang lebih kukuh bagi memacu perdagangan, mewujudkan peluang-peluang baharu bagi pelaburan, dan kepelbagaian ekonomi menyumbang kepada peluang yang mampan dan inklusif bagi rakyat di rantau ini.

Ucapan tersebut juga menggariskan kepentingan bagi menyelaraskan keutamaan ekonomi Negara Brunei Darussalam di bawah Wawasan Brunei 2035 dengan rangka kerja serantau yang lebih luas, termasuk *ASEAN Community Vision 2045* dan *BIMP-EAGA Vision 2035.* Rangka kerja ini menyediakan peluang untuk memperkukuhkan integrasi serantau, membangunkan koridor ekonomi serta memperdalami penyertaan dalam rantaian nilai serantau dan global.

Negara Brunei Darussalam turut menekankan potensi kerjasama rentas sempadan yang lebih besar dengan Sarawak, Sabah dan Kalimantan, khususnya dalam bidang pertanian, perikanan, penternakan dan pengeluaran makanan. Antaranya meneroka potensi kerjasama dalam projek-projek seperti penanaman padi secara komersial dan peluang dalam pengeluaran ternakan dan akuakultur, mencerminkan usaha bagi memperkukuhkan keterjaminan makanan serantau, membangunkan rantaian bekalan bersepadu dan mewujudkan peluang ekonomi baharu.

Di samping forum tersebut, sesi perbincangan *roundtable* turut diadakan mengenai "*Borneo Grid: Powering ASEAN's Growth*", "*Digital Borneo: Powering the New Economy*" dan "*Towards a Unified Borneo Integrated Industrial Hubs*". Perbincangan ini merupakan sebahagian daripada program forum berkenaan kerjasama ekonomi serantau.

Forum ini turut menyaksikan pemeteraian Memorandum Persefahaman antara Borneo Economic Community (BEC) dengan Economic Research Institute for ASEAN and East Asia (ERIA), yang bertujuan memperkukuhkan kerjasama dan kesalinghubungan ekonomi antara Borneo dengan rantau ASEAN yang lebih luas.

Pada 8 Oktober 2026, selepas forum tersebut, Sesi *Business-to-Business (B2B) Matching* telah diadakan. Sesi tersebut menemukan syarikat-syarikat, pelabur dan pihak berkepentingan utama berdasarkan minat dan peluang perniagaan yang sama, sekali gus menyediakan platform untuk meneroka potensi perkongsian, memudahkan hubungan perniagaan dan menjadikan perbincangan forum kepada peluang perniagaan yang konkrit.

Forum Ekonomi Borneo Ketiga akan diadakan di Nusantara, Kalimantan Timur, Indonesia.

-END-

Disediakan oleh:
Bahagian Perdagangan dan Hubungan Ekonomi Antarabangsa
Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri



PRESS RELEASE
MINISTRY OF ECONOMY, TRADE AND INDUSTRY

Brunei Darussalam Highlights Regional Connectivity, Trade and Investment in Second Borneo Economic Forum 2026

Brunei Darussalam highlighted the importance of strengthening regional connectivity, trade, investment and economic diversification at the Second Borneo Economic Forum 2026, held in Kuching, Sarawak, from 7 to 8 October 2026. In attendance, the Premier of Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg also graced the forum and delivered his keynote address.

Yang Mulia Datin Seri Paduka Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab of Deputy Minister of Economy, Trade and Industry, also delivered the keynote address under the theme *"Brunei Darussalam's Vision for Borneo: Strengthening Regional Connectivity, Trade, Investment and Economic Diversification".*

In her keynote address, Brunei Darussalam reaffirmed its vision for Borneo is that of a more connected, integrated and prosperous region, where stronger connectivity drives trade, investment creates new opportunities, and economic diversification contributes to sustainable and inclusive opportunities for the people of the region.

The address also underscored the importance of aligning Brunei Darussalam's economic priorities under Wawasan Brunei 2035 with broader regional frameworks, including the ASEAN Community Vision 2045 and BIMP-EAGA Vision 2035. These frameworks provide opportunities to strengthen regional integration, develop economic corridors and deepen participation in regional and global value chains.

Brunei Darussalam also highlighted the potential for greater cross-border cooperation with Sarawak, Sabah and Kalimantan, particularly in agriculture, fisheries, livestock and food production. Among the potential projects are commercial paddy development and opportunities in livestock and aquaculture production, reflecting efforts to strengthen regional food security, develop integrated supply chains and create new economic opportunities.

On the sidelines of the forum, roundtable discussions were held on "Borneo Grid: Powering ASEAN's Growth", "Digital Borneo: Powering the New Economy" and "Towards a Unified Borneo Integrated Industrial Hubs". These discussions formed part of the forum's programme on regional economic cooperation.

The forum also witnessed the signing of a Memorandum of Understanding between the Borneo Economic Community (BEC) and the Economic Research Institute for ASEAN and East Asia (ERIA), aimed at strengthening economic cooperation and connectivity between Borneo and the wider ASEAN region.

On 8 October 2026, following the forum, Business-to-Business (B2B) Matching Sessions were held. The sessions brought together companies, investors and key stakeholders based on shared interests and business opportunities, providing a platform to explore potential partnerships, facilitate business connections and translate forum discussions into concrete business opportunities.

The third Borneo Economic Forum will be held in Nusantara, in East Kalimantan, Indonesia.

-END-

Prepared by:
International Trade and Economic Relations Division
Ministry of Economy, Trade and Industry

